

PENGURUSAN KEWANGAN



1. Kurangkan makan di luar

Tip ini sememangnya terbukti berkesan kerana kos belanja di luar terutama di kawasan Kuala Lumpur adalah amat tinggi sehingga 3X kos menyediakan makanan sendiri di rumah. Ada beberapa pilihan yang boleh dibuat, sebagai contoh sebelum keluar rumah, makan siap-siap supaya kita tidak perlu makan diluar. Amalkan membawa bekal makanan ke pejabat sehingga hujung bulan. Selain itu, tidak makan apabila tiba waktu makan tengah hari hanya makan sarapan di rumah, kemudian balik petang terus makan malam awal. Seawal sebelum maghrib dan selewat lepas maghrib.

2. Membuat catatan & perancangan pembelian

Mencatat perbelanjaan harian termasuk berapa duit masuk & berapa duit keluar. Kaedah ini dapat mengawal perbelanjaan harian. Sebenarnya konsep ini lebih kepada muhasabah diri. Hari ini kita belanja, malamnya kita buat rumusan dan perhitungan, kita berazam akan cuba perbaiki sikap berbelanja kita secara tidak langsung. Ia menjadi tabiat kita yang baik dalam berbelanja.

3. Perbelanjaan = Pendapatan = Simpanan

Mungkin ramai tidak sedar sebenarnya kebanyakan kita menggunakan kaedah yang salah dalam menguruskan kewangan iaitu simpan = pendapatan = perbelanjaan. Cara ini menyebabkan kita meletakkan simpanan itu berada di keutamaan yang paling belakang. Apabila kita memperoleh pendapatan pertama tetapkan satu jumlah dari pendapatan tersebut sebagai simpanan. Seranan yang popular ialah 10% manakala orang Jepun mengamalkan menyimpan 20% dari pendapatan.

4. Elak menggunakan Kad kredit semasa berbelanja

Petua-petua tambahan yang boleh membantu:

- Ingat, kad kredit bukan wang percuma
- Hanya simpan satu atau dua kad, jangan sehingga lapan atau sembilan
- Cajkan hanya untuk barang yang anda mampu membayar – elakkan berbelanja melebihi pendapatan anda
- Carilah kad yang menawarkan kos, caj tahunan dan yuran servis yang paling rendah (kalau boleh, yang tiada yuran sama sekali)
- Bayar kesemua baki setiap bulan; tetapi jika ini juga sukar, bayar amaun lebih daripada amaun minima bulanan anda
- Masih bermasalah? Tinggalkan kad anda di rumah atau bekukannya di dalam peti ais





Tips Pengurusan Kewangan Yang Baik

PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN :

- Rancang perbelanjaan harian, bulanan dan tahun setiap keperluan isi rumah agar tidak berlaku defisit bajet dalam keluarga kita.
- Berbelanjalah mengikut kemampuan “*Ukur baju di badan sendiri*”, tanpa mengira cara dan gaya hidup mewah yang diamalkan oleh rakan dan sahabat. Keutamaan dan fokus utama ialah berbelanja untuk memenuhi keperluan dan bukan kemewahan.
- Melakukan perbelanjaan secara tunai. Apabila membuat pembelian barangan dapur, elektrik, perkakas rumah mestilah dibuat secara tunai supaya kita akan dapat mengelakkan daripada dikenakan faedah dan berbelanja lebih daripada kemampuan hasil penggunaan kad kredit.
- Menabung untuk hari tua, apabila kita sudah bersara kita memerlukan wang untuk perbelanjaan merangkumi kos kehidupan seharian, kos perubatan dan pelbagai lagi.
- Menabung untuk waktu kecemasan. Kita perlu menabung untuk perbelanjaan sekurang-kurangnya 3bulan perbelanjaan sebagai persediaan jika berlaku kes-kes kecemasan seperti kereta rosak, diberhentikan kerja atau pun ditimpa kemalangan. Tabung berinsurans seperti Takaful perlu diutamakan bagi mendapatkan faedah kebajikan yang optimum.
- Melabur dalam mana-mana institusi perlaburan dan perbankan yang dijamin oleh kerajaan dan berdaftar dengan Bank Negara. Melabur dalam koperasi juga boleh mendatangkan kebaikan jika koperasi yang disertai menawarkan banyak kemudahan kepada ahli.
- Kita hendaklah menyimpan rekod kewangan dengan baik supaya mudah hendak dirujuk ketika diperlukan.

Perkara yang perlu di jauhan:

- Gagal dalam merancang kewangan.
- Boros dan mewah berbelanja.
- Menggunakan kad kredit secara berlebihan.
- Melabur di dalam institusi yang tiada jaminan kerajaan ataupun tidak berdaftar dengan Bank Negara.
- Berhutang untuk mendapatkan sesuatu. Kita hanya boleh berhutang jika dalam keadaan benar-benar perlu atau kita mampu untuk membayarnya mengikut kadar dan masa yang ditetapkan.
- Terlalu memikirkan berkenaan kewangan dan cara menambah kekayaan sehingga melupakan kepentingan nilai-nilai kekeluargaan yang boleh membawa kepada runtuhnya institusi kekeluargaan.